

Bina pangkalan hadapan atasi jenayah perikanan

UM 14/02/24 Ms 29

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athir.ismail@mediamulia.com.my

KLANG: Kerajaan negeri berancang menempatkan pangkalan hadapan di sepanjang perairan Pantai Barat dari Sabak Bernam hingga ke Kuala Selangor bagi mengawal aktiviti jenayah perikanan di kawasan tersebut.

Ini kerana, terdapat 10 kawasan dikenal pasti sebagai lokasi panas aktiviti kecurian benih dan anak kerang yang menjayakan tangkapan hasil laut itu di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pangkalan tersebut boleh digunakan oleh agensi penguatkuasaan serti Jabatan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Polis Marin dan Jabatan Perikanan untuk menempatkan aset mereka bagi memantau dan mencegah aktiviti terbabit.

“Kesemua tapak-tapak itu ada dalam penelitian cuma tindakan susulan yang perlu dilakukan kerana ada beberapa kekangan

yang melibatkan undang-undang, peraturan dan peralatan. Jadi itu yang kita akan atasi dalam masa terdekat dan juga ada beberapa isu teknikal dan strategik yang kita kena ambil.

“Ia memberikan peringatan bahawa operasi berterusan dilakukan dan pada bila-bila masa mereka boleh ditahan kerana kesalahan yang dilakukan,” katanya dalam sidang akhbar selepas melawat perairan sepanjang 60 batu nautika (112 kilometer) dari Bagan Nakhoda Omar, Sabak Bernam hingga ke Pelabuhan Klang, semalam.

Menerusi kewujudan pangkalan tersebut, pihak berkuasa dapat menyiasat dan mengenal pasti secara terperinci individu yang terlibat dengan aktiviti kecurian benih dan anak kerang serta jenayah perikanan lain seperti penggunaan bubu naga.

Amirudin menjelaskan tindakan penguatkuasaan tersebut adalah penting untuk memelihara aktiviti pembiakan kerang di sepanjang perairan Selangor

yang dianggap hasil bergred tinggi.

“Masalahnya, harga kerang mahal itu sementara, tetapi hal lebih utama ialah kita kehilangan warisan yang sangat besar. Kualiti kerang di Selangor adalah antara gred paling disukai berbanding tempat lain dari segi isinya lebih besar dan rasanya enak.

“Kerang amat berharga sebab itu ia dihantar atau diseludup ke negara jiran atau dijual ke beberapa orang. Jadi, ada orang yang ingin ambil kesempatan, jalan mudah untuk mendapat keuntungan.

“Tetapi, akhirnya warisan kita yang sangat berharga itu akan hilang. Sedangkan itu adalah untuk nelayan-nelayan tempatan ataupun pengusaha-pengusaha tempatan, tetapi ada

orang yang tidak bertanggungjawab,” tegasnya.

Beliau turut mengenal pasti kawasan yang terlibat dengan masalah pencemaran seperti di Kampung Tok Muda Kapar termasuk mengarahkan pembentangan laporan kajian kesan pencemaran yang dilakukan oleh SIRIM.

“Aspek itu akan segera diambil tindakan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan saya minta satu laporan kajian oleh SIRIM dibentangkan mengenai kesan-kesan daripada pencemaran yang kita akan dapat atasi sepenuhnya selepas melaksanakan *zero discharge policy* (ZDP) ataupun *polluters pay principle*.”

“Kita sudah meminda beberapa enakmen yang membolehkan pelaksanaannya, ia akan dibuat secara berperingkat dan tidak boleh mengejut kerana melibatkan banyak pihak,” ujarnya.

AMIRUDIN Shari meninjau kawasan perairan di sekitar Sabak Bernam yang dikenal pasti sebagai tempat pembenihan dan pembiakan kerang Selangor.
- UTUSAN/AFIQ RAZALI

